



## **MAKLUMAN PERUBAHAN TARIKH DAN TEMPAT BAGI ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI ISLAM MELAKA KE-26**

Adalah dimaklumkan bahawa, pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk membuat perubahan tarikh dan tempat bagi Istiadat Konvokesyen Universiti Islam Melaka ke-26 akan diadakan di **Dewan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 8 Disember 2024 (2 Sidang)**.

Untuk makluman para graduan dan semua yang terlibat dengan konvokesyen ini, perubahan tempat dan tarikh istiadat adalah disebabkan kerosakan bangunan-bangunan UNIMEL ekoran daripada ribut kuat pada 30 Oktober 2024 yang lalu. Demi memastikan keselamatan dan keselesaan graduan serta ibubapa, pihak Pengurusan UNIMEL telah bersetuju untuk memindahkan lokasi dan tarikh Istiadat Konvokesyen seperti yang dinyatakan di atas.

Pengurusan Universiti Islam Melaka juga memohon maaf atas perubahan ini dan amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua pihak. Bersama-sama kita berdoa dan agar Istiadat Konvokesyen ini berjalan dengan lancar.

Makluman lanjut boleh didapati di dalam Portal Universiti Islam Melaka [www.unimel.edu.my](http://www.unimel.edu.my).

**URUSETIA ISTIADAT KONVOKESYEN  
UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
11 NOVEMBER 2024 / 09 JAMADILAWAL 1446H**